

PUNCA KLUSTER TERATAI SUMBANG KES COVID-19 PALING TINGGI

Oleh: Nazihah Ibni Hajar, 1180049


KLANG: Kluster Teratai dikenal pasti sebagai penyumbang kes harian Covid-19 paling tinggi di Malaysia adalah kerana kegagalan pekerja warga asing mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dan pihak pengurusan kilang Top Glove yang lambat bertindak.



Kilang Top Glove, Meru. - Gambar hiasan

Hari ini, sebanyak 1,067 kes baharu daripada Kluster Teratai membabitkan pekerja kilang Top Glove di Meru.

Menurut seorang kakitangan tempatan yang enggan dikenali di kilang itu berkata, pengumpulan semua pekerja asing di satu-satu kawasan adalah punca peningkatan kes secara mendadak dalam Kluster Teratai ini.



Statistik Kluster Teratai pada 23 November 2020.

Menurutnya, mereka (pekerja warga asing) gagal mematuhi SOP berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) di asrama pekerja. Selain itu, pihak pengurusan yang lambat bertindak turut menyumbang kepada peningkatan kes.

“Awalnya, pihak pengurusan kami mengambil tindakan yang sangat lambat dan merahsiakan pesakit yang dijangkiti virus ini daripada kakitangan yang lain. Kami hanya diberitahu untuk mematuhi SOP dan bekerja seperti biasa.” Tambahnya lagi.



Terdapat ramai warga asing yang bekerja di kilang Top Glove, Meru. – Gambar hiasan

Manakala, salah seorang kakitangan warganegara yang disahkan positif Covid-19 percaya, sering berinteraksi dengan warga asing di kilang terbabit menjadi punca peningkatan kes. Dia juga memaklumkan bahawa semua pekerja di kilang tersebut terdedah dengan pekerja warga asing.

“Pendedahan kami dengan mereka bukan sahaja di tempat kerja, malah di kantin dan juga surau. Segala-galanya bersama mereka.” Luahnya lagi.

Menteri Kanan Pertahanan, Dato Ismail Sabri telah menguatkuasakan PKPD di asrama pekerja kilang berkenaan bermula 17 hingga 30 November 2020.